

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar khususnya memberi penumpuan jalan-jalan raya utama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum akan keperluan masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak yang masih memerlukan kemudahan infrastruktur khususnya kemudahan jalan raya yang kebanyakannya masih jauh tertinggal dan tiada akses perhubungan. Kementerian ini sentiasa mengadakan perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan agensi negeri terlibat bagi memberikan kemudahan infrastruktur yang terbaik khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2020 sebanyak sebanyak 101 projek Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan pelaksanaannya di Negeri Sabah yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM6.05 Bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 projek sedang dalam peringkat perancangan, 22 projek

NO. SOALAN : 19

dalam perlantikan peruding dan rekabentuk, 7 projek sedang dalam peringkat perolehan, 26 projek dalam pembinaan dan 28 projek telah siap sepenuhnya.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2020 sebanyak sebanyak 58 projek projek Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan pelaksanaannya di Negeri Sarawak yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM3.17 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 projek sedang dalam peringkat perlantikan peruding dan rekabentuk, 3 projek sedang dalam peringkat perolehan, 9 projek dalam pembinaan dan 5 projek telah siap sepenuhnya.

Untuk maklumat Yang Berhormat jua, cadangan pelaksanaan projek juga adalah berdasarkan kepada permohonan Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri. Perancangan dan cadangan pelaksanaan adalah diterima daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan bantuan agensi teknikal negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak serta agensi teknikal negeri yang lain bagi mendapatkan input dan cadangan projek-projek mendesak.

Cadangan-cadangan projek seterusnya dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) bagi permohonan kelulusan pelaksanaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek ini tertakluk kepada kelulusan dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.